

Dr. Siti Hasmah dibenarkan keluar hospital

PUTRAJAYA 29 Ogos - Isteri Perdana Menteri, Tun Dr. Siti Hasmah Mohamad Ali yang menerima rawatan di Pusat Perubatan Prince Court (PCMC), Kuala Lumpur sejak Isnin lalu berikutan keracunan makanan, dibenarkan keluar hospital pada pukul 2 petang tadi.

"Sukacita dimaklumkan bahawa Siti Hasmah sudah discaj dari PCMC hari ini, pukul 2 petang," kata jurucakap Pejabat Perdana Menteri di sini hari ini.

Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad semalam

berkata, isteri beliau sudah pulih daripada keracunan makanan yang ringan tetapi belum dibenarkan keluar dari hospital.

Dr. Mahathir yang mengakhiri lawatan rasmi tiga hari ke Vietnam berkata, sebaik tiba di tanah air, beliau akan terus melawat Siti Hasmah.

Siti Hasmah sepatutnya menemani Dr. Mahathir untuk lawatan rasmi tiga hari ke Vietnam dan mempunyai program asing termasuk melawat Vietnam National Academy of Music.



DR. SITI HASMAH MOHD. ALI dibawa pulang selepas dirawat sejak Isnin lalu di Pusat Perubatan Prince Court (PCMC), Kuala Lumpur, semalam. - PEJABAT PERDANA MENTERI